

Syor tubuh NDIC rancak peluang ekonomi digital

Putrajaya: Mesyuarat Majlis Pelaksanaan (ICM) Koridor Raya Multimedia (MSG) Malaysia Ke-30 semalam, mencadangkan penubuhan Majlis Keterangkuman Digital Kebangsaan (NDIC).

Penubuhan NDIC yang antara lain bagi memberi tumpuan kepada penciptaan peluang dan pendapatan dalam ekonomi digital untuk rakyat, akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

Antara Kementerian dicadangkan terbabit adalah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Kewangan; Kementerian Pembangunan Usahawan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pembangunan Luar Bandar; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; Kement-


erian Belia dan Sukan; Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Wilayah Persekutuan

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika ditemui media selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam, mengumumkan mengenai cadangan penubuhan NDIC itu.

“Tumpuan perlu diberikan dalam memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan berjalan lancar dan mencapai hasil memberangsangkan dalam masa terdekat,” katanya.

Dr Mahathir mengakui berpuas hati dengan mesyuarat ICM selama satu jam itu yang antara lain membincangkan pendekatan memperkasa teknologi digital sebagai penjana utama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan penggerak utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

“MSC sudah mewujudkan 183,000 pekerjaan bernilai tinggi di hampir 3,000 syarikat dengan



Dr Mahathir pada sidang media yang turut disertai, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri dan Pemangku Pengerusi MDEC, Datuk Mathialakan Chelliah (kanan) di Putrajaya, semalam.
(Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

penjanaan pendapatan mencecah RM500 bilion. Saya juga bangga apabila ada syarikat tempatan mendapat pengiktirafan global.

“Contohnya, Aerodyne, yang berada pada kedudukan ketiga di dunia hasil kepakaran dalam teknologi dron berasaskan kecerdasan buatan (AI). Pembangunan dalam kandungan digital kreatif turut melahirkan ramai penggerak industri animasi dan permainan,” katanya.

Industri animasi dan permainan Malaysia juga, katanya, banyak mendapat pengiktirafan

luar seperti hasil karya Boboiboy, Upin dan Ipin, *No Straight Roads*, *CryptantCrab* dan *Re:Legend*.

Dr Mahathir menjelaskan, inisiatif dibentangkan semalam akan meneruskan pembinaan sasaran negara, iaitu misi dan wawasan berkongsi kemakmuran dengan menggunakan sepenuhnya teknologi digital.

“Teknologi AI, analisis data dan realiti tambahan akan didokong kukuh oleh bakat berpotensi terdiri daripada pendidik, industri dan kerajaan. Penghasilan bakat tempatan dalam teknologi juga

penting dalam menyumbang kepada kejayaan ekonomi digital.

“Saya gembira kerana ada program membangunkan bakat anak muda dalam inovasi, termasuk mendedahkan mereka kepada kepakaran, sumber dan kemudahan di universiti tempatan,” katanya.

Katanya, sekiranya pelaksanaan dilakukan sebaiknya, pembangunan ekonomi digital negara akan mendatangkan banyak manfaat dan peluang cukup besar kepada rakyat terutama menghadapi revolusi industri 4.0.